



KETUA SETIAUSAHA
SECRETARY GENERAL
Kementerian Pendidikan Malaysia
Ministry of Education Malaysia
Aras 8, Blok E8, Kompleks E
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62604 PUTRAJAYA
MALAYSIA

Tel: 03-8884 6072
Faks: 03-8888 5124
Laman Web: www.moe.gov.my

Ruj. Kami : KPMSP.500-6/8/4 Jld.2 (30)
Tarikh : 14 Mac 2016

SETIAUSAHA/ PENGARAH BAHAGIAN DAN SEMUA PENGARAH JABATAN, KPM

YBhg. Datuk/Dato'/Tuan/Puan,

PENGURUSAN LATIHAN KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA

Saya dengan hormatnya merujuk kepada perkara di atas dan surat daripada Jabatan Perkhidmatan Awam Bil. JPA(I)S.175/4/1-1 Klt. 22 (38) bertarikh 29 Februari 2016 adalah berkaitan.

2. Sebagaimana YBhg. Datuk/Dato'/Tuan/Puan sedia maklum, Dasar Latihan Sumber Manusia Sektor Awam (PP 6/2005) telah menetapkan supaya semua anggota Perkhidmatan Awam menghadiri kursus sekurang-kurangnya tujuh (7) hari setahun. Walau bagaimanapun berikutan langkah merasionalisasi Perkhidmatan Awam serta mengoptimumkan perbelanjaan agensi-agensi Kerajaan, Jabatan Perkhidmatan Awam telah memutuskan supaya pelaksanaan Dasar ini **ditangguhkan berkuatkuasa pada 29 Februari 2016**. Sehubungan itu, pencapaian pelaksanaan jumlah hari berkursus setiap anggota dan prestasi perbelanjaan peruntukan latihan oleh agensi juga **tidak akan diambil kira** sebagai Petunjuk Prestasi Utama (KPI) semua Ketua Jabatan.


3. Walau bagaimanapun, di peringkat KPM pencapaian sasaran tujuh (7) hari latihan masih dititikberatkan bagi meningkatkan kompetensi warga kerja Kementerian. Program latihan yang telah dirancang hendaklah diteruskan menggunakan peruntukan latihan sedia ada secara optimum.

Pelaksanaan kaedah *blended training approach* **tanpa had hari** yang dilaksanakan pada tahun 2015 seperti surat KP(PP)0022/252 Jld. 2 (7) bertarikh 15 April 2015 akan terus dikuatkuasakan di KPM dan perlu diberi keutamaan.

4. Sehubungan dengan itu, kerjasama pihak YBhg. Datuk/Dato'/Tuan/Puan adalah dimohon untuk mengambil tindakan sewajarnya terhadap perkara ini. Segala perhatian dan kerjasama yang diberi adalah amat dihargai dan didahului dengan ucapan terima kasih.

Sekian.

“SEHATI SEJIWA”
“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”



(TAN SRI DR. MADINAH BINTI MOHAMAD)
Ketua Setiausaha
Kementerian Pendidikan Malaysia

s.k.:

- i. YBhg. Dato' Sri Dr. KPPM
- ii. YBhg. Dato' Sri/ Datuk/Dato' TKPPM
- iii. YBhg. Datuk Seri TKSU (PP)

SENARAI EDARAN DALAMAN

1. Ketua Akauntan
Bahagian Akaun
2. Setiausaha Bahagian
Bahagian Audit Dalam
3. Setiausaha Bahagian
Bahagian Audit Sekolah
4. Setiausaha Bahagian
Bahagian Dasar Dan Hubungan Antarabangsa
5. Setiausaha Bahagian
Bahagian Kewangan
6. Setiausaha Bahagian
Bahagian Khidmat Pengurusan
7. Setiausaha Bahagian
Bahagian Pembangunan Pelajaran
8. Setiausaha Bahagian
Bahagian Pembangunan Dan Penilaian Kompetensi
9. Setiausaha Bahagian
Bahagian Pengurusan Maklumat
10. Setiausaha Bahagian
Bahagian Pengurusan Sumber Manusia
11. Setiausaha Bahagian
Bahagian Perolehan Dan Pengurusan Aset
12. Setiausaha Bahagian
Bahagian Psikologi Dan Kaunseling
13. Setiausaha Bahagian
Bahagian Tajaan Pendidikan
14. Pengarah
Bahagian Buku Teks
15. Pengarah
Bahagian Kokurikulum & Kesenian
16. Pengarah
Bahagian Matrikulasi

17. Pengarah
Bahagian Pembangunan Kurikulum
18. Pengarah
Bahagian Pendidikan Guru
19. Pengarah
Bahagian Pendidikan Islam
20. Pengarah
Bahagian Pendidikan Khas
21. Pengarah
Bahagian Pendidikan Swasta
22. Pengarah
Bahagian Pendidikan Teknik Dan Vokasional
23. Pengarah
Bahagian Pengurusan Sekolah Berasrama Penuh Dan Sekolah Kecemerlangan
24. Pengarah
Bahagian Pengurusan Sekolah Harian
25. Pengarah
Bahagian Perancangan Dan Penyelidikan Dasar Pendidikan
26. Pengarah
Bahagian Sukan
27. Pengarah
Bahagian Teknologi Pendidikan
28. Pengarah
Institut Aminuddin Baki
29. Pengarah
Lembaga Peperiksaan Malaysia
30. Pengarah
Urusetia Tetap Majlis Buku Kebangsaan Malaysia
31. Rektor
Institut Pendidikan Guru Malaysia
32. Ketua Nazir Sekolah
Jemaah Nazir Dan Jaminan Kualiti
33. Ketua Unit
Unit Pengurusan KPI

SENARAI EDARAN LUAR

1. Pengarah
Jabatan Pendidikan Negeri Perlis
2. Pengarah
Jabatan Pendidikan Negeri Kedah
3. Pengarah
Jabatan Pendidikan Pulau Pinang
4. Pengarah
Jabatan Pendidikan Perak
5. Pengarah
Jabatan Pendidikan Selangor
6. Pengarah
Jabatan Pendidikan Negeri Sembilan
7. Pengarah
Jabatan Pendidikan Melaka
8. Pengarah
Jabatan Pendidikan Negeri Johor
9. Pengarah
Jabatan Pendidikan Pahang
10. Pengarah
Jabatan Pendidikan Negeri Terengganu
11. Pengarah
Jabatan Pendidikan Kelantan
12. Pengarah
Jabatan Pendidikan Sarawak
13. Pengarah
Jabatan Pendidikan Sabah
14. Pengarah
Jabatan Pendidikan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur
15. Pengarah
Jabatan Pendidikan WP Labuan
16. Pengarah
Jabatan Pendidikan WP Putrajaya